



**PERUTUSAN DATUK BANDAR
MESYUARAT MAJLIS BIL. 7 /2021
27 OGOS 2021 (18 MUHARRAM 1443H)**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT di atas limpah kurnia-Nya, kita dapat menghadiri Mesyuarat Majlis pada kali ini. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai serta seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan kepada Majlis khususnya di dalam merealisasikan segala perancangan dan program-program yang dirancang Majlis. Segala pencapaian dan kejayaan pastinya menuntut komitmen yang jitu dan semangat kerja berpasukan.

Memandangkan di Petaling Jaya masih di dalam tempoh perintah kawalan pergerakan, mengikut fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 1, perkhidmatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya termasuk proses permohonan daripada pelanggan akan terus dilaksanakan dengan amalan norma baharu dan pematuhan terhadap SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara. Justeru, pelanggan Majlis digalakkan menggunakan

perkhidmatan Majlis secara atas talian (online) tanpa perlu hadir ke premis Majlis

Selain daripada menjalankan tugas-tugas hakiki di dalam menyampaikan perkhidmatan berkaitan permohonan bagi pembangunan, pelesenan permit, perkhidmatan pembersihan, kejuruteraan, kakitangan Majlis juga merupakan *frontliners* bagi membendung penularan wabak COVID-19.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

2. Selaras dengan Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 1, terdapat 11 aktiviti tambahan di bawah sektor perdagangan dan pengedaran telah dibenarkan untuk beroperasi tertakluk kepada syarat lesen dan SOP daripada pihak MKN. Di antara perniagaan yang dibenarkan beroperasi adalah seperti berikut :
 - Kedai cuci kereta
 - Kedai elektrik dan elektronik
 - Kedai barang rumah dan peralatan dapur
 - Kedai perabot
 - Kedai peralatan sukan
 - Kedai aksesori kenderaan
 - Pusat pengedaran dan jualan kenderaan
 - Kedai pakaian, fesyen dan aksesori
 - Kedai barang kemas
 - Kedai gunting rambut dan pusat/salun kecantikan (perkhidmatan gunting asas sahaja)

Pembukaan operasi ini turut melibatkan pasar pagi, pasar malam dan pasar tani seramai **3,995 peniaga** di kawasan Petaling Jaya. Sehubungan dengan itu, Majlis telah pun menyediakan akujanji kepada semua peniaga-peniaga agar mematuhi syarat-syarat lesen perniagaan dan perlu patuh kepada syarat dan SOP yang dikeluarkan termasuklah telah lengkap divaksinasi. Ekoran daripada itu, Majlis telah pun memaklumkan kebenaran beroperasi kepada kesemua **28 lokasi pasar malam, 6 pasar pagi dan 3 pasar tani**.

Majlis juga masih meneruskan pemberian permit bermasa PPN fasa yang kedua bagi sesi petang dan malam sebanyak 144 permit. Jumlah keseluruhan permit yang dikeluarkan adalah **318 permit** seluruh Petaling Jaya. Hasil bancian mendapati, peniaga-peniaga yang diberikan permit bermasa PPN adalah golongan yang hilang pendapatan dan juga sumber rezeki.

Bilik gerakan **SMART COVID-19 OPERATIONAL ROOM (SCOR)** berperanan sebagai penyelaras bagi memastikan semua *delivery system* dan *essential services* Majlis dapat dijalankan dengan lancar. Ia juga berperanan menjadi pusat pengumpulan data-data aduan dan tindakan penguatkuasaan. Sehingga kini, sebanyak **65 aduan** dan pertanyaan awam telah direkodkan serta diselesaikan. Manakala bagi perkhidmatan perlu (*essential services*) melibatkan sebanyak 35,166 transaksi atas talian dan 8,257 urusan secara manual dan sejumlah 300 perkhidmatan secara temujanji sepanjang bulan Ogos 2021.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya terus melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan secara konsisten bagi memastikan tahap pematuhan SOP premis-premis perniagaan dalam tempoh Perlaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 1. Operasi penguatkuasaan yang dilaksanakan adalah

meliputi pemeriksaan pematuhan SOP di sektor-sektor perniagaan komersial, pusat membeli-belah, peruncitan, perkilangan dan perkhidmatan. Pemeriksaan premis yang dijalankan adalah bertujuan bagi memastikan pengusaha perniagaan sentiasa mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dari semasa ke semasa dan undang-undang Majlis yang digunakan.

Hasil **operasi penguatkuasaan** yang telah dijalankan sepanjang bulan **Ogos 2021**, sebanyak **5,922** pemeriksaan telah dilaksanakan merangkumi **656 premis perniagaan, 4,278 penjaja, 398 premis makanan, 466 lesen berisiko** dan **124 kawasan riadah** termasuk Hutan Pendidikan Bukit Gasing.

Secara kumulatifnya, bermula 7 Mei 2021 sehingga 26 Ogos 2021, sebanyak **22,472 pemeriksaan** telah dilaksanakan merangkumi **8,287 premis perniagaan** dan pematuhan waktu penutupan, **137 sektor industri, 9,767 penjaja, 2,286 premis makanan, 1,314 lesen berisiko**, dan **681 kawasan riadah**. Susulan daripada itu, sebanyak 2,663 tindakan penguatkuasaan dilaksanakan termasuklah **2,476 kompaun** pelbagai, lapan (8) kompaun dibawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342), 55 amaran lisan, 65 notis penutupan, 28 sitaan/pindah alih dan 31 penutupan premis. Di samping itu, sebanyak 194 operasi bersepadu juga telah dijalankan bersama pihak Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya dan agensi lain.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

3. Majlis Bandaraya Petaling Jaya terus proaktif dalam menyediakan perkhidmatan perbandaran kepada warga Petaling Jaya. Warga Petaling Jaya adalah digalakkan berurusan dengan Majlis secara atas talian (online). Urusan secara atas talian adalah sejajar dengan inisiatif Majlis ke arah ‘counterless’ selain mengurangkan risiko jangkitan COVID-19. Perkhidmatan secara atas talian kini juga merupakan sebahagian daripada norma baharu dalam kehidupan masa kini dan dapat menjimatkan kos kerana orang ramai boleh melaksanakan transaksi tanpa terhad kepada waktu pejabat.

Sehubungan itu, bagi memudahkan urusan pelanggan, Majlis telah menyediakan perkhidmatan secara atas talian seperti perkhidmatan Pengurusan Aduan (Sistem Aduan Online), Permit Perniagaan (Sistem eLesen), Semakan Bayaran Kontraktor (eMBPJ), Pengurusan Penjualan Barang Terpakai (eCOreloved), Semakan dan Bayaran Kompaun MBPJ (Smart PJ Enforcement) dan lain-lain perkhidmatan yang ditawarkan yang secara keseluruhannya sebanyak 38 jenis perkhidmatan melalui sistem-sistem seperti eCommerce Karung Kitar, eMBPJ, eTempahan dan lain-lain sistem lagi.

Bagi memudahkan pelanggan, segala maklumat terkini berkenaan waktu operasi perkhidmatan Majlis juga dimuat naik ke dalam laman sosial rasmi Majlis seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram* dan laman portal Majlis Bandaraya Petaling Jaya di www.mbpj.gov.my.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Majlis dalam fasa akhir penyediaan Bajet 2022. Proses penyediaan Bajet 2022 telah dimulakan dengan perbincangan bersama Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada 7 Julai 2021 bagi membincangkan hala tuju, perancangan dan pandangan Ahli Majlis pada tahun 2022.

Hasil daripada perbincangan tersebut, Majlis telah menyediakan borang secara atas talian kepada orang awam bagi memberikan pandangan, cadangan serta idea **selama 18 hari bermula 15 Julai 2021 sehingga 1 Ogos 2021**. Pandangan serta input daripada penduduk Petaling Jaya amat diperlukan bagi sama-sama membangunkan bandar raya Petaling Jaya Pasca COVID-19.

Berdasarkan *survey* yang dijalankan secara atas talian, jumlah keseluruhan maklum balas yang diterima daripada penduduk adalah sebanyak **71 maklum balas**. Walau bagaimanapun, daripada jumlah tersebut, hanya **53 yang diambil kira** manakala **13 maklum balas adalah tidak berkaitan** dengan bajet (merupakan aduan), **2 maklum balas tidak jelas** dan **3 maklum balas melibatkan kemudahan diluar seliaan Majlis**.

Hasil analisis maklum balas penduduk yang telah dijalankan, Majlis mendapati sebanyak 22 (41.5%) maklum balas penduduk adalah berkaitan penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan, 13 maklum balas atau 24.6% adalah berkaitan pembangunan sosio ekonomi khasnya bagi golongan miskin atau B40, seterusnya 8 (15.1%) maklum balas adalah berkaitan aspek kebersihan bandar / *circular economy*. Lain-lain maklum balas adalah berkaitan kawasan lapang sebanyak 4 (7.5%), CCTV dan

keselamatan sebanyak 3 (5.7%) dan selebihnya masing-masing 1 maklum balas bersamaan (1.9%) berkaitan ‘*lifelong learning*’, pengangkutan awam/tempat letak kereta dan aspek perancangan bandar.

Seterusnya Pemeriksaan Bajet 2022 diteruskan di peringkat Jabatan sepanjang bulan Ogos. Hasil daripada pemeriksaan tersebut, perlaksanaan perkhidmatan dan program Majlis diselaraskan dan disesuaikan dengan 10 *Thematic Programme* (Program Berimpak Tinggi) bagi merancang perancangan bajet 2022 yang mana ianya melibatkan **Smart City, Inclusive City, Low Carbon City, Child Friendly City, Learning City, Economical Vibrant City, Circular Economy City, Society 5.0 City, Safe And Resilient City, E-Governance City**.

Seterusnya, pembentangan Cadangan Bajet 2022 akan diadakan bersama Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada 2 September 2022. Pembentangan ini memberi penjelasan secara terperinci ke atas cadangan Bajet 2022 yang memberi fokus kepada program yang memberi impak tinggi kepada penduduk. Pada 14 September 2021 pula akan diadakan sesi ‘Town Hall’ Dialog Bajet Tahun 2022 bersama Ahli Majlis, Persatuan Penduduk/Kawasan Rukun Tetangga (KRT)/NGO.

Pembentangan Cadangan Bajet 2022 seterusnya akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan (Khas) Bajet pada 24 September 2021 untuk kelulusan Majlis. Setelah diluluskan, cadangan Bajet ini akan dikemukakan kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor untuk pengesahan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

5. Majlis Bandaraya Petaling Jaya sangat prihatin terhadap aspek keselamatan kakitangan Majlis, pekerja kontraktor atau pembekal perkhidmatan serta orang awam di Petaling Jaya. Majlis baharu sahaja selesai proses pengauditan bagi MSOSH Award (Malaysian Society for Occupational Safety and Health Award) Tahun 2020 dimana tahun ini merupakan tahun keempat Majlis menyertai anugerah berkenaan. Sejak menyertai Award ini pada tahun 2017, Majlis mendapat pengiktirafan Silver Award pada tahun 2017 dan Gold Class 2 Award pada Tahun 2018 dan 2019.

Sebagai makluman Majlis telah mengamalkan peraturan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Majlis Bandaraya Petaling Jaya sejak tahun 2017. Amalan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan ini bertujuan untuk mencegah kejadian kemalangan yang boleh meragut nyawa di kalangan kakitangan Majlis, pekerja kontraktor yang dilantik Majlis serta orang awam. Majlis telah mempunyai sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dengan 1 Manual, 47 SOP serta 110 HIRADC (Hazard Identification, Risk Assessment & Determining Control). Majlis Bandaraya Petaling Jaya menjadi sektor awam pertama mendapat pensijilan ISO 45001:2018 Occupational Health & Safety Management Systems di Malaysia. Pengiktirafan ini boleh memberi motivasi kepada kakitangan apabila aspek keselamatan mereka dilindungi. Pensijilan ini membawa maksud aktiviti yang dijalankan di Majlis adalah mematuhi undang-undang dan operasi Majlis adalah mengikut rangka prinsip standard yang relevan.

Bagi memastikan operasi dan aktiviti pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak Majlis dan kontraktor atau pembekal tidak memberi kesan buruk kepada alam sekitar, Majlis juga telah mempunyai sistem pengurusan alam sekitar mulai tahun 2019. Majlis telah memperolehi pensijilan ISO 14001:2015 Environmental Management Systems. Pensijilan ini akan memastikan bahawa kesan buruk kepada alam sekitar dapat diminimumkan disamping mewujudkan sistem kawalan pengurusan alam sekitar yang lebih baik. Ianya juga akan dapat mengurangkan kos operasi akibat penggantian infrastruktur dan langkah-langkah mitigasi yang perlu diambil. Ianya juga boleh mengurangkan kos pengurusan sisa seterusnya membolehkan sistem kerja lebih efisyen dan berkualiti.

6. Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menandatangani perjanjian persefahaman (MOU) pelupusan sisa buangan dengan Worldwide Holdings Berhad bagi kemudahan Pusat Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu berkenaan perkembangan terbaru projek *Waste-to-Energy* (WTE). Projek ini juga akan memberi rawatan sampah menerusi konsep Integrated Solid Waste Management Centre (ISWMC) yang akan di bina di Jeram, Kuala Selangor.

Melalui perjanjian ini kemudahan adalah meliputi *waste-to-energy*, pengkomposan, *material recovery facilities*, *recycling* sisa binaan dan *anaerobic digestion*. Di bawah perjanjian ini juga, sisa yang dihantar ke sana adalah minima 490 tan sehari dengan caj RM 55 setan. Ini bermakna tambahan RM 19 setan berbanding dengan bayaran RM 36 setan pada masa kini.

Sehubungan dengan ini, komitmen Majlis dijangka akan meningkat RM 3.4 juta tambahan daripada fi sedia ada, dalam lingkungan RM 8.3 juta setahun.

Kerajaan Negeri telah bersetuju memberi subsidi RM 10 juta kepada pihak Worldwide Holdings Berhad bagi 3 tahun. Dengan itu, harga kadar fi akan berkurang kepada RM 46 setan dan komitmen Majlis berkenaan tambahan kos fi pelupusan adalah dijangka RM 1.8 juta mulai hujung tahun 2024.

Selari dengan aspirasi kerajaan negeri untuk melaksanakan operasi pengurusan sisa pepejal yang holistik, teknologi WTE yang dilengkapi teknologi ‘hijau’ dan moden, dilihat dapat mengurangkan impak negatif pencemaran, dan kesan rumah hijau. Misi ini penting untuk direalisasikan, bagi mengurangkan risiko-risiko yang mengancam alam sekitar dan masyarakat, terutamanya di kawasan-kawasan yang berkepadatan tinggi dan pesat dengan pelbagai sektor ekonomi, seperti di Selangor.

Sebagai salah satu projek tenaga lestari, teknologi WTE turut menyokong agenda pembangunan nasional, dan menyumbang kepada usaha merealisasikan aspirasi kerajaan Malaysia untuk mengurangkan pelepasan karbon (CO₂) sebanyak 45 peratus, pada tahun 2030.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

7. Pembudayaan ilmu di kalangan masyarakat Petaling Jaya terus diterapkan dan disuburkan meskipun dalam suasana pandemik COVID-19. Selaras dengan agenda bagi memastikan pematuhan prinsip Bandar Pembelajaran oleh UNESCO dan penyediaan sistem pembelajaran yang lebih berkualiti untuk masyarakat Petaling Jaya, program ilmu dan budaya membaca masih diteruskan melalui atas talian antaranya ialah Pertandingan Bercerita (Bahasa Malaysia dan Inggeris), Pertandingan Sajak, Kuiz Muzium PJ, Kuiz Merdeka dan lain-lain.

Meskipun perpustakaan masih belum dapat beroperasi lagi, program ini masih diteruskan bagi memastikan masyarakat Petaling Jaya dapat menikmati perkhidmatan dan peminjaman buku. Justeru, bagi meneruskan inisiatif ini, perkhidmatan tempahan buku secara atas talian (online) telah bermula pada 1 Februari 2021 untuk dimanfaatkan oleh masyarakat Petaling Jaya.

Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya telah mengambil inisiatif bagi menggalakkan budaya membaca di kalangan kakitangan dan masyarakat terutamanya dalam tempoh PKP dengan menyediakan perkhidmatan tempahan buku secara atas talian (online) bermula 1 Februari 2021.

Pada Jun 2021, perkhidmatan tempahan buku dalam talian '*PJ Books On Wheels*' ini telah ditutup buat sementara berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga ianya dibenar beroperasi kembali bermula 16 Ogos 2021 dengan syarat tambahan seperti status MySejahtera terkini bagi mengambil buku tempahan yang telah siap. Pengguna juga perlu melaporkan diri di pondok pengawal bagi tujuan pengambilan buku tempahan dan pemulangan buku melalui *Bookdrop*.

Perkhidmatan yang dinamakan '***PJ Books On Wheels***' ini menggunakan platform '*Google Forms*' sebagai medium untuk tempahan buku secara atas talian. Tempahan buku juga boleh menggunakan '*google form*' di link berikut: <https://forms.gle/Hjo1rrKppZpMrHDe9> atau melalui imbasan 'QR Code' yang disertakan. Ahli perpustakaan yang berminat untuk menggunakan perkhidmatan ini, terlebih dahulu perlu membuat pencarian dan pemilihan buku yang ingin dipinjam melalui Web Opac Perpustakaan di link berikut <http://www.mbpjlibrary.gov.my/ms/webopac>. Buku-buku yang telah dipilih perlu dicatatkan di dalam '*google forms*' tersebut beserta maklumat-maklumat lain yang diperlukan. Ahli diminta untuk membaca dan

memahami terlebih dahulu terma dan syarat *PJ Books On Wheels* yang telah ditetapkan oleh pihak perpustakaan.

Sepanjang tempoh bulan Februari sehingga 16 Ogos 2021, sejumlah 31 jumlah tempahan telah direkodkan dan sejumlah 166 buah buku telah dipinjam tanpa mengambil kira bulan Jun dan Julai 2021 kerana perpustakaan ditutup berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Diharapkan perkhidmatan yang ditawarkan Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya melalui kaedah ini dapat menyuburkan lagi budaya membaca di kalangan masyarakat disamping dapat mengurangkan risiko jangkitan virus COVID-19 di tempat awam selari dengan suasana norma baharu pada masa kini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

8. Tanggal 31 Ogos pada setiap tahun merupakan tarikh keramat bagi seluruh rakyat di negara ini. Pada tarikh tersebut merupakan hari yang sangat bermakna buat seluruh rakyat Malaysia kerana pada tarikh itu seluruh rakyat Malaysia menyambut Hari Kemerdekaan.

Perasaan betapa tingginya nilai dan erti kemerdekaan dalam kalangan mereka yang pernah berjuang untuk mencapai kemerdekaan tidak mampu diterjemahkan melalui penulisan ataupun kata-kata. Hanya mereka yang terlibat secara langsung dalam proses kemerdekaan ini dapat merasai perasaan yang sebenarnya betapa tingginya nilai sebuah kemerdekaan yang dikecapi selama 64 tahun yang lalu.

Penjajahan fizikal mungkin sukar untuk berlaku, namun penjajahan minda dan sosial tidak mustahil sekiranya tiada sebarang langkah proaktif yang

diambil oleh rakyat di negara ini. Generasi muda terutamanya perlu dan sentiasa menjadi benteng paling utuh buat negara dalam memelihara kemerdekaan ini kerana ia bukan sesuatu perkara yang murah dan mudah untuk diperoleh dan dicapai.

Selari dengan situasi semasa yang melanda negara ketika ini, ‘**Malaysia Prihatin**’ diangkat sebagai tema Hari Kebangsaan pada tahun ini dengan membawa maksud yang cukup mendalam kepada seluruh rakyat Malaysia yang masih berdepan dengan penularan wabak pandemik COVID-19.

Semangat kekitaan dan cintakan negara wajar dipupuk semula dengan pelbagai pendekatan termasuk menyemarakkan kembali lagu-lagu patriotik untuk disajikan kepada umum. Mengimbau kembali dekad terdahulu, lagu-lagu patriotik menjadi antara medium penting dalam menyemai semangat cintakan negara dalam kalangan masyarakat. Mesej-mesej penting yang dibawakan menerusi lagu-lagu patriotik ini ternyata berjaya menyuntik semangat positif dalam diri setiap orang.

Pengibaran Jalur Gemilang ini juga adalah untuk menyemarakkan lagi semangat patriotisme dan rasa cinta tanpa berbelah bahagi kepada negara. Saya ingin mengingatkan agar kesemua pengibaran bendera Jalur Gemilang ini hendaklah berada dalam keadaan baik, tidak lusuh serta yang paling utama adalah dipasang dalam kedudukan yang betul. Justeru, marilah kita zahirkan rasa cinta dengan mengibarkan Jalur Gemilang. Bersama-sama lah kita berdoa agar negara segera pulih daripada wabak COVID-19. Selamat Hari Kebangsaan diucapkan.

#MalaysiaPrihatin

Sekian, terima kasih.